

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD [K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
No Tel. Bimbit (Setiausaha) 012-9433860 E-Mel Setiausaha asrulsms@gmail.com LamanWeb: www.kobangi.com

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD YANG KE-30 BAGI SESI 2025-2026

TARIKH	:	Hari Ahad, 14 Jun 2026 bersamaan 28 Zulhijjah 1447H
MASA	:	Jam 9:30 pagi.
TEMPAT	:	Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Jalan 6C/4, 43650, Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan
KAEDAH	:	Hybrid (Fizikal dan Maya [Zoom Meeting])

PENDAHULUAN

1. Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-30 (MAT30) Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad (KOBANGI) diadakan secara **Hybrid** iaitu secara **Fizikal** di Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Bandar Baru Bangi dan secara **Maya (Zoom Meeting)** di rumah/tempat masing-masing. Anggota Lembaga ditempatkan di Pusat Siaran (*Broadcasting Station*) di Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Bandar Baru Bangi untuk mengendalikan mesyuarat ini.
2. Bilangan anggota yang layak hadir dalam MAT30 hari ini berdasarkan Pangkalan Data Keanggotaan pada 13 Jun 2026 ialah seramai **433 anggota** dan jumlah kuorum mengikut Peraturan 13 (Jadual VI) ialah **1/3 dari 433 anggota**; iaitu seramai **145** anggota.
3. Bilangan anggota yang menghadiri MAT30 adalah seramai **157 anggota (49 Fizikal dan 108 Maya)**. Laporan Kehadiran MAT30 Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad adalah seperti **LAMPIRAN A**.
4. MAT30 telah dimulakan dengan Pengacara Majlis, Hj. Ahmad Sufie bin Munasir mengalu-alukan kehadiran anggota secara Maya dan Fizikal. Bacaan doa dipimpin oleh Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md. Saad sebelum mesyuarat bermula.
5. MAT30 bersetuju sebulat suara memilih Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim, Pengerusi KOBANGI sebagai Pengerusi mesyuarat, mengikut fasal (1) undang-undang kecil 33; atas cadangan Anggota Lembaga Koperasi.

UCAPAN ALUAN Y. BHG. DATUK PENERUSI KOBANGI BAGI SESI 2024-2025

1. YBhg. Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran para anggota di MAT30 ini sama ada secara fizikal atau maya dan dipanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT yang mengizinkan mesyuarat ini diadakan pada hari ini.
2. YBhg. Datuk Pengerusi juga telah mengalu-alukan kehadiran khususnya wakil dari SKM (Secara Maya) dan wakil dari Juruaudit Luar, MNZWAJA PLT (Secara Fizikal dan Maya). Beliau memaklumkan kepada hadirin sekalian bahawa bilangan anggota KOBANGI adalah seramai 433 anggota dan menyarankan anggota semua untuk menambah bilangan keanggotaan dengan menggalakan suami, isteri dan anak untuk menjadi anggota.

3. YBhg. Datuk Pengerusi seterusnya memaklumkan dalam MAT30 beberapa perkara penting seperti berikut:
 - a) KOBANGI berumur 30 tahun dan terkini mempunyai modal syer anggota sebanyak lebih RM3.5 juta.
 - b) Perniagaan hartanah masih menjadi tumpuan bagi koperasi menjana pendapatan dengan pemilikan 6 premis komersial dan 2 lot tanah berukuran 5 ekar. KOBANGI memegang keseluruhan nilai hartanah sekarang sebanyak lebih RM6.1 juta. Beliau berharap koperasi dapat menambah bilangan pemilikan hartanah pada masa depan.
 - c) KOBANGI telah mencapai kedudukan ke 27 dalam kategori Koperasi Terbaik Negeri Selangor 2025 dan kedudukan ke 249 dalam kategori Top 350 Koperasi Tahun 2025.
4. YBhg. Datuk Pengerusi juga memaklumkan dividen bagi tahun 2025 adalah 6.0%.
5. Akhir kata, Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada barisan Anggota Lembaga yang telah mengurus aktiviti koperasi dengan baik.

AGENDA 1: MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARI ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (TERMASUK PENERUSI) UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-30

- 1.1 MAT30 bersetuju sebulat suara melantik enam (6) orang anggota dan empat (4) Anggota Lembaga Koperasi termasuk Pengerusi untuk menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAT30 seperti berikut,

PELANTIKAN EMPAT (4) ANGGOTA LEMBAGA

1. Prof. Datuk Mohd Yusof Bin Kasim (Pengerusi)
2. Hj. Asrulsani bin Shahnnon
3. Hj. Ahmad Sufie bin Munasir
4. Hj. Gazali bin Jaafar

PELANTIKAN ENAM (6) ANGGOTA KOBANGI

1. Hj. Othman Bin Sodikin
2. Hj. Hamdan Bin Ghazali
3. Hj. Ahmad Shamsuri Bin Mohamad
4. En. Syazani Bin Suhaifi
5. Hj. Abdul Mutalib Bulin
6. Hj. Abdul Karim bin Mhd Sarif

AGENDA 2: MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29 YANG BERLANGSUNG PADA AHAD 15 JUN 2025 SESI 2024-2025

- 2.1 Mesyuarat Agung Tahunan bersetuju mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 yang berlangsung pada Ahad, 15 Jun 2025 atas cadangan Hj. Md Adnan Suratman (No. Anggota : K458) dan disokong sebulat suara. Minit ini telah terlebih dahulu **ditentusahkan** oleh Jawatankuasa Menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 yang telah bermesyuarat pada Jumaat, 20 Jun 2025 bersamaan 23 Zulhijjah 1446H.

AGENDA 3: MENERIMA LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA BAGI SESI 2025-2026

- 3.1 Membincangkan Laporan Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2025-2026 yang dibentangkan oleh Setiausaha;
- (a) Mengambil maklum pencapaian KOBANGI bagi sesi 2025-2026 di antaranya :
- (i) KOBANGI berkedudukan ke 27 dalam kategori “Koperasi Terbaik Negeri Selangor 2025” daripada senarai 2,217 koperasi dalam negeri Selangor.
 - (i) KOBANGI berkedudukan ke 249 dalam kategori “Top 350 Koperasi Tahun 2025” daripada senarai 16,468 koperasi dalam negara Malaysia.
 - (ii) Pencapaian kewangan bagi tahun 2024 adalah baik dimana pendapatan meningkat berbanding dengan pencapaian pada 2023.
 - (iii) Penjualan lot kedai MILIK KOBANGI pada harga RM780,000. Mesyuarat dimaklumkan sebelum lot kedai tersebut dijual, anggota lembaga koperasi (ALK) telah membuat kertas kajian berkenaan pilihan menjual atau menyimpan bangunan perniagaan miliki KOBANGI dan telah mendapati untuk tempoh 5 tahun, menjual masih lebih baik.
 - (iv) Dividen yang dicadangkan oleh ALK adalah 6.0% bagi tahun 2025 berbanding dengan 5.5% bagi tahun 2024.
 - (v) Anggota perlu mengemaskini maklumat waris bagi anggota yang telah meninggal dunia serta memaklumkan maklumat ini kepada pengurusan KOBANGI.

Mesyuarat sebulat suara meluluskan Laporan Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2025-2026 seperti dibentangkan; atas cadangan En. Kamaruzaman Md. Riffin (No. Anggota: K452) dan disokong oleh En. Abu Bakar bin Mohamad (No. Anggota: K038).

AGENDA 4: MENERIMA DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

- 4.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-
- (a) mengambil perhatian pembentangan oleh Bendahari mengenai Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025 yang telah diaudit, bersama dengan Laporan Juruaudit ke atas Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2025 oleh MNZWAJA PLT, juruaudit luar KOBANGI mengikut Seksyen 59 (1) dan (2) Akta Koperasi 1993;
 - (b) bersetuju menerima dan meluluskan Penyata Kewangan Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025 bersama dengan Laporan

Juruaudit; atas cadangan Hj. Abd. Mutalib Bulin (No. Anggota: K442) dan disokong oleh Ishak Arshad (No. Anggota: K204). Dengan kelulusan ini, Mesyuarat Agung Tahunan juga bersetuju menerima dan meluluskan **pembayaran dividen pada kadar 6.0% (RM 211,500.00)**, dan **pembayaran honorarium ALK sebanyak RM15,000.00**. Perkara ini tertakluk kepada kelulusan SKM.

AGENDA 5: MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI SESI 2026-2027

5.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) diberitahu bahawa tepat jam 12:00 tengah hari Ahad 7, Jun 2026, tiada Borang Pencalonan diterima oleh Urusetia.
- (b) mengesahkan dan menerima Anggota Lembaga baharu bagi sesi 2026-2027. Barisan Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2026-2027 adalah seperti berikut:-

1. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim
2. Hj. Asrulsani bin Shahnnon
3. Hj. Gazali bin Jaafar
4. Hj. Hussin bin Hj. Yunus
5. Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah
6. Hj. Ahmad Sufie Munasir
7. Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md Saad
8. Hj. Aminudin bin Md Desah
9. Hj. Kamaruddin bin Mohamed
10. Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff
11. En Muhammad Farahi 'Arif bin Tajul Ariffin

- (c) Sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan perlantikan nama-nama anggota seperti diatas sebagai Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2026-2027.

AGENDA 6: MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2027

6.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) mengambil perhatian pembentangan Anggaran Belanjawan bagi tahun berakhir 31 Disember 2027 oleh Bendahari; dan
- (b) sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2027 tersebut atas cadangan En. Kamaruzaman Md. Riffin (No. Anggota: K452).

AGENDA 7: MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL JURUAUDIT LUAR UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOBANGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2026

- 7.1 MAT30 bersetuju menerima cadangan Anggota Lembaga bagi melantik MNZWAJA PLT semula untuk mengaudit akaun koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember

2026 atas cadangan Md. Adnan bin Suratman (No. Anggota:K458) dan disokong sebulat suara.

AGENDA 8: MENIMBANG RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIAYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI.

8.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) Mengambil maklum cadangan dari En. Kamaruzaman Md. Riffin (No. Anggota: K452) berkenaan mengenakan had pelaburan daripada keuntungan bersih pelaburan saham.
- (b) Mengambil maklum bahawa Ahli Lembaga perlu menghadkan peratus penggunaan pelaburan dari keuntungan bersih.
- (c) Menerima Syor Ahli Lembaga membenarkan serta menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada Ahli Lembaga untuk menggunakan keuntungan bersih dan membuat pelaburan yang sah di sisi undang-undang mematuhi Seksyen 54 Akta Koperasi 1993.

AGENDA 9: MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KEBERHUTANGAN

9.1 Mesyuarat Agung Tahunan bersetuju sebulat suara mengekalkan had maksimum keberhutangan Koperasi ini pada paras **RM10,000,000.00** seperti tahun lepas yang dicadangkan oleh En. Kamaruzaman Md. Riffin (No. Anggota: K452) dan disokong oleh Sabardin bin Ahmad (No. Anggota : K015).

AGENDA 10: MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN ATAU USUL-USUL BERTULIS YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA SETIAUSAHA TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG IAITU SEBELUM ATAU PADA AHAD 7 JUN 2026, JAM 12:00 TENGAHARI.

- 10.1 MAT30 diberitahu oleh Setiausaha bahawa Urus Setia telah menerima 3 Usul daripada 3 anggota seperti **LAMPIRAN B**.
- 10.2 Mesyuarat telah berbincang dan memutuskan cadangan penyelesaian Usul pertama, Usul 1a dilaksanakan. Cadangan ini diterima oleh Md. Adnan bin Suratman (No. Anggota: K458) dan disokong sebulat suara.
- 10.3 Mesyuarat juga telah berbincang dan memutuskan cadangan penyelesaian Usul pertama, Usul 1b juga dilaksanakan. Cadangan ini diterima oleh En. Kamaruzaman Md. Riffin (No. Anggota: K452) dan disokong oleh Mohd Hashim Nawawi (No. Anggota : K018).
- 10.4 Mesyuarat juga telah berbincang dan memutuskan Usul kedua, Usul 2a diambil maklum untuk mempercepatkan Mesyuarat Agung Tahunan. Anggota Lembaga bersetuju untuk mengenakan sasaran bulan Mei setiap tahun tertakluk pada selesainya penyediaan Laporan Kewangan oleh Juruaudit Luar.

- 10.5 Mesyuarat telah berbincang dan memutuskan cadangan penyelesaian Usul kedua, Usul 2b dilaksanakan. Mesyuarat mengambil maklum bahawa usul ini adalah pelaksanaan sedia ada sekarang.
- 10.6 Mesyuarat telah berbincang dan memutuskan cadangan penyelesaian Usul ketiga, Usul 3a tidak dilaksanakan. Merujuk **Akta Koperasi 1993 (Akta 502)** dan garis panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), **tiada had umur maksimum** yang ditetapkan secara mutlak untuk memegang jawatan sebagai Anggota Lembaga Koperasi (ALK).

AGENDA 11: MEMBINCANGKAN HAL-HAL LAIN (JIKA ADA)

11.1 Cadangan dari Hj. Hamdan Ghazali (K529)

- (a) Ahli lembaga mengemukakan dalam mesyuarat agung akan datang (MAT31) perbandingan penjualan aset lot kedai dengan pendapatan sewa yang diperolehi selepas penjualan aset lot kedai tersebut seperti yang disebutkan dalam **AGENDA 3, 3.1 (a)(iii)**.

11.2 Cadangan dari Puan Sharipah Ismail (K081)

- (a) Cadangan melabur pulangan penjualan lot kedai sebanyak RM780,000 kepada belian lot kedai yang memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi sebagai contoh bangunan atau lot kedai yang mempunyai lif.

Anggota Lembaga mengambil maklum tentang cadangan ini dan akan membuat perbincangan.

11.3 Cadangan dari Prof. Dr. Wan Mohtar (K007)

- (a) Cadangan membuat buku sejarah kegemilangan KOBANGI melibatkan sejarah dan pencapaian KOBANGI keseluruhannya. Buku ini untuk kegunaan ramai dan boleh membuat jualan.

Anggota Lembaga akan mengambil maklum kos-kos yang terlibat.

11.4 Cadangan dari Hanas Rizal A. Zakeri (K234)

- (a) Cadangan menyediakan perlindungan insurans atau takaful kesihatan kepada ahli-ahli koperasi. Ia dapat memberi nilai tambah dan kebajikan yang lebih baik kepada ahli.

Anggota Lembaga akan mengambil maklum kos-kos yang terlibat.

11.5 Cadangan dari Mohammad Shiham Mahfuz (K370)

- (a) Cadangan koperasi melabur dalam saham Bursa Malaysia atau saham patuh syariah Amerika Syarikat bagi mengembangkan dana koperasi.

Anggota Lembaga akan mengambil maklum dan akan membuat perbincangan.

11.6 Cadangan dari Amir Nubhan Osman (K287)

- (a) Cadangan untuk dibawa ke perbincangan ALK agar koperasi terlibat dalam mendapat IPO dari bursa saham di bawah tawaran MITI. IPO adalah kurang risiko dan kebarangkalian untuk mendapat IPO bagi koperasi diutamakan oleh MITI.

Anggota Lembaga akan mengambil maklum dan akan membuat perbincangan.

AGENDA 12: PENANGGUHAN

- 12.1 Sebagai penutup, Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua anggota yang hadir mesyuarat hari ini.
- 12.2 Datuk Pengerusi memohon maaf bagi diri beliau dan Anggota Lembaga kepada semua anggota kalau ada tersalah silap semasa beliau mengendalikan mesyuarat sebentar tadi.
- 12.3 Datuk Pengerusi sekali lagi menyarankan semua warga KOBANGI untuk menambah syer dan menggalakkan ramai lagi ahli keluarga untuk menjadi anggota.
- 12.4 MAT30 ditangguhkan oleh Pengacara Majlis pada jam 12:00 tengahari.


Disediakan:



[HJ ASRULSANI SHAHNON]

Setiausaha Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad Sesi 2026-2027

Disahkan:



[PROF. DATUK MOHD. YUSOF BIN KASIM]

Pengerusi Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad Sesi 2026-2027
bersama Anggota Jawatankuasa Menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-30 PADA 14 JUN 2026
SECARA FIZIKAL

BIL.	NAMA	ANGGOTA
1	ASRULSANI BIN SHAHNON	497
2	AHMAD SHAMSURI BIN MOHAMAD	510
3	DATO MOHD YUSOF KASIM	394
4	AMINUDIN MD DESAH	453
5	AHMAD DENIL HASBULLAH	385
6	ABDUL JAMIR MD. SAAD	277
7	MUHAMMAD FARAHI 'ARIF BIN TAJUL ARIFFIN	489
8	KAMARUDDIN MOHAMED	291
9	SYAZANI BIN SUHAIFI	522
10	NAZILAH BINTI MOHD YUSOF	521
11	HJ AHMAD SUFIE BIN MUNASIR	276
12	HAMDI BIN OTHMAN	306
13	WAN MOHTAR BIN WAN YUSOFF	7
14	ABD. MUTALIB BULIN	442
15	MOHAMAD SALLEH YUNOS	449
16	MOHD YAZID SULAIMAN	293
17	MD. ADNAN BIN SURATMAN	458
18	ZUHRAH BINTI ABDUL RAOF FAIZ	459
19	MOHAMMAD AZFAR BIN AMRAN	545
20	RUPINAH BT SAIMIN	92
21	MAZLAN BIN BHAROM	71
22	HAMIDAH BT. PAMIMIN	454
23	ABDUL KARIM BIN MHD SARIF	532
24	DR. HJ. OTHMAN SODIKIN	451
25	HUSSIN HAJI YUNOS	16
26	GAZALI BIN JAAFAR	494
27	SUREPI@MARIAM BINTI CHUNPALAH@SULAIMAN	81
28	SABARDIN BIN AHMAD	15
29	AZLINA BT HUSSAIN	258
30	MOHD HASHIM NAWAWI	18
31	MUHAMMAD HAFEZAN MAT	447
32	ABU BAKAR BIN NORDIN	128
33	ASMAH BEE MD. NOOR	382
34	ISHAK ARSHAD	204
35	MAT BAKAR MAHUSIN	317
36	AZLAN JABBAR	390
37	NOOR JULIANA BT HUSSAIN	260
38	ZAIREENA BT WAN NASIR	325
39	KHADIJAH BT MOHD TAHIR	323
40	KAMARUZAMAN MD. RIFFIN	452

41	ZALEHA MOHAMED DAUD	217
42	AB. RAHIM BIN HJ. MD NOR	84
43	RUSNANI ABDUL KADIR	275
44	IDRIS MOHAMED @ MAMAT	132
45	MADIYAH BT HJ DERAMAN	139
46	AMIN HAJI SALLEH	478
47	AHMAD JAMALULLAIL BIN ABDUL KADIR	525
48	NORMAH SEPUAN	304
49	SHARIPAH ISMAIL	343

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-30 PADA 14 JUN 2026
SECARA ZOOM

BIL.	NAMA	ANGGOTA
1	ALYAA IMAM SUPAAT	301
2	RIDHWAN FAIZ MAT RADZI	417
3	MOHD. SUIB BIN MAULUD	37
4	AHMAD ZAKERI BIN ABDUL KHALIL	1
5	SUKMA ILIANA RADIN	373
6	MUHAMMAD HAIKAL B AMINUDIN	526
7	SHARANI BIN ABU BAKAR	509
8	HANA BT IMAM SUPA'AT	305
9	AZMI ABDULLAH	432
10	FAIRUZ BT SHARIFUDDIN	268
11	HANAS RIZAL A. ZAKERI	234
12	JUWAIDAH SHARIFUDDIN	299
13	ARIFAH SHARIFUDDIN	236
14	MUHAMMAD NASRUL IZZAT BIN ANUAR	392
15	NURFARIHA ABDUL AZIZ	437
16	SHAARI CHIN	363
17	JAMIL BIN MOHAMED SAPARI	338
18	MAHIRAH MOHD YUSOF	399
19	NOOR HAFIZAN BINTI BAHARUDDIN	505
20	KASTINA ABDULLAH	391
21	NADZRI DAUD	206
22	MOHAMED IZWAN MOHD ALIYAS	482
23	ASHRAF BIN SHARIFUDDIN	267
24	SITI HAWA MUSTAFFA	360
25	NORIDAH A. MANAN	296
26	ROSENAINI @ RUSNAINI BT A. SAMAN	27
27	AMERAH HANIS BINTI HUSSIN	483
28	MUHAMMAD ARIF IQBAL BIN AHMAD SUFIE	508
29	MUHAMMAD AFIF ANUAR	430
30	ABDUL AZIZ BIN MOHD NOOR	44
31	FARAHAN HAZEEM BIN ANUAR	499
32	NORHAFIZAN BT MOHD SUIB	336
33	HASAN BIN MOHAMAD ALI	511
34	MUNEERA MOHD YUSOF	398
35	HASLIN JOHARI	341
36	FATIMAH HARUN	362
37	NUR NAJLAA' BINTI AMINUDIN	527
38	AMIRAH NAJIHAH BT ABDUL JAMIR	523
39	MUHAMMAD FADHIL BIN AMINUDIN	540

40	AZIZAH BT MOHD YUSOP@ABD RAHMAN	334
41	FAIZAH BT MOHD ZAKI	339
42	AMARIAH HANUM HUSSIN	228
43	AMIRAH ZAHIRAH BT ABDUL JAMIR	524
44	SITI NOR MASTURAH AB. HALIM	393
45	NUR SYUKRIYAH MOHD. SUIB	361
46	MOHAMAD YUSOF MAT ZAIN	448
47	NAEMAH SHARIFUDDIN	237
48	MOHD. TOHIT LIRI	364
49	MOHAMMAD SHIHAM MAHFUZ	370
50	SITI FARAH MD TOHID	378
51	MOHD NAZRI RASID	403
52	MIMI MARINA KAMAL @ KANASIE	420
53	NORAZIAN NORDIN	443
54	AMINAH NUR HUDA HUSSIN	229
55	FARID BIN OMAR	313
56	NORHAFIZA BT MOHD TOHIT	332
57	AHMAD MOKHTAZA BIN MOKHTARUDDIN	290
58	ROSE IZNAN RIZA BT MOHD TOHIT LIRI	333
59	JARINI JUSOH	428
60	AHMAD HUSAINI AHMAD ZAKERI	220
61	HAMDAN BIN GHAZALI	529
62	ABU BAKAR BIN MOHAMAD	38
63	HAMIDAH BINTI YUSOF	488
64	NURSABRINA AHMAD DENIL	504
65	AMIR NUBHAN OSMAN	287
66	MOHD HAAZIQ MOHD YUSOF	397
67	AMMAR ZULQARNAIN AHMAD DENIL	503
68	NURNADIAH AHMAD DENIL	502
69	SAZLIN SELIM	379
70	MOHD IZZALDIN MOHD YUSOF	396
71	NURDIYANA AHMAD DENIL	501
72	ZAIFEENA BT WAN NASIR	324
73	SAYED BIN MD SALLEH	530
74	SHHRUM ABDULLAH	285
75	FATIN HUSNA ABDULLAH	383
76	NOORAINI A MANAN	512
77	ENDON BT ABDUL LATIP	426
78	RIDHWAN FAKHRI MAT RADZI	416
79	RUSNAH ABU	354
80	NUR MUNIRAH BT MOHD SUIB	335
81	RIDHWAN FAHMI MAT RADZI	415
82	NOOR ZATUL AIN AHMAD	475
83	RADZIAH BT MOHAMED SALLEH	255
84	NIK MOHD FAISAL ABDUL KADIR	319

85	NORAINI MARDHIAH HJ MAT RADZI	331
86	NURFARIHIN ABDUL AZIZ	444
87	MOHAMMAD IZHAM MOHD ALIYAS	481
88	NOR FAIZA BT MOHD TOHIT	318
89	SITI FATIMAH BINTI ABD HAMID	541
90	ROMLAH BINTI JAFFAR	528
91	AZMAN BIN ATAN	506
92	NURFAIZAH ABDUL AZIZ	445
93	DATIN ZALIAH ISMAIL	395
94	MUHAMMAD AKMAL BIN AMINUDIN	533
95	AZIZAH BINTI YUSSOF	490
96	DATO MOHD. ALIYAS HAMDAN	460
97	AMRAN YEOP ALIP	153
98	MUHAMAD ASRAF BIN MOHD SUKERI	496
99	MOHD. DINUL SYAHIDI SABARDIN	345
100	DATIN JURIAH MOHD. DESAH	461
101	ANIAH JANTAN	359
102	NORLAILIZA AHMAD	413
103	SAIFUL HUZAIRI MOHD. HUSSAIN	342
104	REHANA HAMID	355
105	LATIFAH BINTI A MANAN	513
106	RIDHWAN FADHIL MAT RADZI	414
107	KAMARINA MOHD ZAIN	286
108	FAIZ ABD. AZIZ	476

BORANG USUL MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29 PADA 15 JUN 2025**USUL NO. 1****NAMA: HAMDY BIN OTHMAN****NOMBOR ANGGOTA: K306****USUL 1a**

Pengasingan modal syer anggota yang meninggal dunia ke akaun khas

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN USUL 1a

Menurut klausa 21(1)(a) UUK KoBangi, anggota terhenti menjadi anggota disebabkan kematian. Oleh itu, cadangan pengasingan modal syer anggota tersebut ke akaun khas sehinggalah tuntutan oleh waris dibuat. Dividen tidak akan dikira atas syer anggota tersebut semasa dalam akaun khas.

Mengikut **Akta Koperasi 1993 (Akta 502)** dan **Akta Wang Tak Dituntut 1965**, Koperasi perlu memegang wang ini dalam akaun khas/liabiliti selama tempoh minima 1 tahun sebelum menyerahkan keseluruhan wang dalam akaun anggota tersebut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akuntan Negara Malaysia (JANM).

USUL 1b

Penamatan anggota yang mempunyai modal syer kurang daripada RM500

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN USUL 1b

Menurut klausa 59(1) UUK KoBangi, kadar minimum modal syer anggota adalah RM500, dan berdasarkan Klausa 59(2)(b), anggota yang telah diterima hendaklah mencukupkan modal syer RM500 dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh penerimaan keanggotaannya.

Oleh itu, dicadangkan untuk KoBangi memberi tempoh sehingga 31hb Disember 2026, untuk anggota mencukupkan modal syer sekurang-kurangnya RM500, dan sekiranya modal syernya masih kurang daripada jumlah minima, keanggotaan hendaklah ditamatkan. Syer berbaki dalam akaun anggota akan dipulangkan kepada anggota tersebut secepat mungkin.

TARIKH: May 29, 2026

USUL NO. 2**NAMA: HAMDAN BIN GHAZALI****NOMBOR ANGGOTA: K529****USUL 2a**

Percepatkan MAT supaya Dividen Tahunan dapat diputuskan awal. Sasaran pada bulan April /Mei setiap tahun seperti Bank Rakyat.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN USUL 2a

Bahagian Perakaunan dapat siapkan Akaun tahunan sebelum Februari dan Juruaudit diberi 2 bulan untuk sediakan Lapuran Perakaunan pada bulan April. Juruaudit yang dilantik mesti mampu dan boleh memenuhi syarat ini.

Ini adalah cadangan penambahbaikan bagi mempercepatkan MAT dan sekaligus dapat mengistiharkan dividen tahunan lebih cepat berbanding tahun- tahun sebelum ini.

USUL 2b

Jumlah dividen tahunan yang dikreditkan ke dalam Akaun Syer anggota akan dikira dividen pada tahun tersebut walaupun dikreditkan selepas bulan Jun.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN USUL 2b

Cadangan ini bagi menarik ramai anggota untuk menambah syer mereka dari dividen yang di istiharkan.

TARIKH: Jun 4, 2026

USUL NO. 3**NAMA: AHMAD DENIL HASBULLAH****NOMBOR ANGGOTA: K385****USUL 3a**

Had Umur ALK dan Peranan Mantan ALK

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN USUL 1

Tujuan utama

1. Menyokong dasar peremajaan kepimpinan koperasi dengan menghadkan umur ALK kepada 70 Tahun dan Pengerusi 75 tahun.
2. Memberi peluang kepada anggota muda dan pelapis memegang jawatan ALK.
3. Mengekalkan pengalaman, pengetahuan dan sumbangan mantan ALK untuk membantu pembangunan koperasi.
4. Mantan ALK melaksanakan peranan semak dan imbang(check and balance) tentang perkara strategik tanpa mengambil alih kuasa ALK.

Struktur Operasi Koperasi

Operasi koperasi dikawal dan diuruskan oleh 5 Bahagian utama iaitu Bhg Pembangunan Perniagaan Strategik, Bhg Operasi, Bhg Keanggotaan, Bhg Perakaunan dan Bhg Syariah.

Dicadangkan setiap bahagian di anggotai oleh ALK, anggota koperasi yang professional dan mantan ALK yang telah tamat tempoh kerana had umur. Pengalaman mantan ALK dalam sesuatu bidang boleh dimanfaatkan di Bahagian berkaitan. Peranan utama mantan ALK adalah sebagai Penasihat, Penjana Idea dan Mentor tetapi tidak mempunyai kuasa mengatasi keputusan ALK.

TARIKH: Jun 7, 2026